

18/11/1998

Abac diminta bantu pulih ekonomi

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu Majlis Penasihat Perniagaan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Abac) meneruskan usaha membangunkan semula ekonomi negara Asia Pasifik yang terjejas berikutan kegawatan ekonomi serantau.

Perdana Menteri berpendapat, Abac, selaku pertubuhan mewakili sektor swasta, boleh memainkan peranan penting dalam memastikan pertumbuhan modal ke rantau ini.

"Saya tahu Abac sudah merumuskan beberapa cadangan yang boleh menggerakkan usaha pemulihan ekonomi.

"Saya ingin meminta anggota Abac, yang kebanyakannya mengetuai beberapa firma gergasi di negara masing-masing, meneruskan sumbangan ke arah pemulihan ekonomi," katanya sebelum mempengerusikan sesi dialog di antara ketua-ketua kerajaan Apec dengan pemimpin Abac di sini.

Sesi selama sejam itu disertai semua pemimpin Apec. Pemimpin Abac diketuai Pengerusinya, Tan Sri Tajudin Ramli.

Dr Mahathir berkata, peranan Abac dalam mempromosikan kegiatan kerjasama teknikal dan ekonomi amat penting dalam memastikan kesejahteraan jangka panjang dan pembangunan kemasyarakatan.

Menurutnya, pembangunan kapasiti boleh membantu mewujudkan keadaan yang membolehkan pasaran beroperasi secara berkesan, sekali gus menyediakan pelbagai faedah.

Pada akhir sesi berkenaan, Perdana Menteri berkata, pemimpin kanan Apec menyedari kebimbangan sektor swasta berhubung pentingnya gagasan itu melaksanakan tindakan berani menangani masalah ekonomi serantau.

Di peringkat kerajaan, kata Dr Mahathir, langkah-langkah sesuai akan terus dilaksanakan termasuk merombak semula sistem kewangan antarabangsa.

"Pada masa yang sama, pemimpin Abac juga harus memberi nasihat kepada kerajaan mengenai tindakan pemulihan yang sesuai dan menyeluruh, dalam menangani kegawatan ekonomi," katanya.

(END)